



## **TEKS UCAPAN**

**YB. DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN  
SEMINAR KOPERASI PEKEBUN KECIL (KPK) &  
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN NARSCO  
KE 32 TAHUN 2016**

**AUDITORIUM SULTAN AHMAD SHAH  
IBU PEJABAT RISDA**

**12 MEI 2016, KHAMIS  
WAKTU KETIBAAN : 10.00 PAGI**

Bismillahirrahmaanirrahim...

YBrs. Pengacara Majlis,

YB Datuk Zahidi b. Zainul Abidin  
Pengerusi RISDA

YBhg. Dato' Mohd Arif b. Ab. Rahman  
Ketua Setiausaha KKLW

YBhg. Dato' Hj. Mohamat b. Muda  
Ketua Pengarah RISDA

Y Bhg Dato Zamri bin Yaakob  
Pengerusi NARSCO

Ahli-ahli Pihak Berkuasa RISDA,  
Timbalan-timbalan Ketua Pengarah RISDA

Pengerusi-Pengerusi Syarikat Milikan RISDA  
Pengarah-Pengarah Bahagian,

Pengarah-Pengarah RISDA Negeri,  
Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Milikan RISDA,  
Pengerusi-Pengerusi dan Ahli Lembaga Koperasi,

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian...

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera, Salam Kasih Sayang dan Salam Sehati Sejiwa

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama hadir dalam majlis ini yang amat bermakna kepada semua ahli Koperasi Pekebun Kecil di bawah kelolaan RISDA. Saya juga merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak RISDA kerana telah mengaturkan majlis ini dan memberi peluang kepada saya untuk bertemu sekali lagi dengan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Koperasi Pekebun Kecil di seluruh Malaysia. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan khususnya peserta-peserta Seminar Koperasi Pekebun Kecil 2016 kerana dapat hadir ke majlis ini. Sesungguhnya kehadiran Dato'-Dato',

tuan-tuan dan puan-puan membuktikan kesungguhan kita semua untuk membimbing dan menyokong pergerakan koperasi supaya dapat mencapai kejayaan di peringkat yang lebih tinggi di masa akan datang.

2. Koperasi Pekebun Kecil merupakan penggerak utama kepada usaha-usaha untuk melonjakkan kegiatan ekonomi bumiputera di luar bandar. Dalam **Pelan Transformasi Luar Bandar** yang telah saya lancarkan pada akhir November 2015 tahun lepas dengan tagline “**Memandarkan Luar Bandar; Fokus ke 3 iaitu Fokus Ekonomi dan Fokus ke 4 iaitu Keusahawanan** mempunyai kaitan yang amat rapat dengan gerakan koperasi terutama di luar bandar. Dalam hal ini Koperasi Pekebun Kecil perlu memainkan peranan yang aktif supaya agenda ekonomi di kawasan luar bandar dapat dimantapkan dengan lebih cepat.

3. **Fokus ke 3 iaitu Ekonomi** mensasarkan peningkatan pendapatan isi rumah penduduk luar bandar sekurang-kurangnya RM 4,000 sebulan menjelang 2020. Melalui penerokaan sub sektor baru pertanian yang mempunyai nilai pasaran dan permintaan tinggi, koperasi mempunyai peranan untuk menggalakkan ahli-ahli bersama-sama berusaha menyahut seruan KKLW ini , contohnya seperti usaha mengeluarkan madu kelulut dan lain-lain . Selain daripada memperkenalkan sumber pendapatan yang baru, usaha ini juga akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan di kawasan luar bandar serta mengelakkan penghijrahan generasi muda ke bandar .

4. **Fokus ke 4 iaitu Keusahawanan** pula mensasarkan peningkatan martabat perniagaan bumiputera dan mewujudkan entiti pemasaran produk luar bandar bagi menembusi pasaran kuasa beli tinggi. Seiring dengan perkara ini kedai-kedai di luar bandar akan dinaiktaraf sebagai pusat perniagaan, pengumpulan dan pemasaran produk luar bandar. Jaringan perniagaan bumiputera juga akan ditingkatkan selain daripada menggalakkan pembangunan usahawan sedia ada, membentuk usahawan baru, menyediakan *outlet* perniagaan serta memperluas perniagaan *online business* di luar bandar. Untuk menjayakan perkara ini Koperasi Pekebun Kecil perlu menguasai rantai nilai dalam industri yang berkaitan dengan

pekebun kecil dan ahli-ahli termasuk pemasaran getah dan sawit serta produk usahawan luar bandar selain daripada menjadi pembekal bahan input ladang dan bukan ladang.

5. Koperasi tidak boleh lari dari melaksanakan fungsi utamanya iaitu memberi perkhidmatan dan membantu ahli-ahlinya dalam pembangunan ekonomi. Perubahan perlu dilakukan ke atas landskap gerakan koperasi di luar bandar yang selama ini dianggap sebagai satu institusi yang kecil dan hanya tertumpu kepada perniagaan tertentu sahaja , menjual produk yang kurang berkualiti serta tidak mampu menarik pelanggan yang lebih besar.

6. Saya ingin melihat Koperasi Pekebun Kecil mampu memberi perkhidmatan kepada ahli-ahli dan penduduk luar bandar secara *one stop centre* ala mini RTC sepertimana yang telah diwujudkan oleh KKLW, mempunyai *wajah* yang menarik serta mampu menjadi pusat tumpuan pelanggan. Melalui hub ini, ahli-ahli akan mendapat perkhidmatan, bekalan barangan keperluan, kemudahan pengedaran produk, kemudahan perbankan internet, pusat bayaran bil setempat dan lain-lain keperluan masyarakat luar bandar sejajar dengan perubahan negara kita menuju taraf negara maju pada tahun 2020 . Koperasi Pekebun Kecil juga perlu terus berusaha memenuhi keperluan ahli-ahli dan masyarakat luar bandar yang terlibat dengan bidang pertanian sejajar aspirasi kerajaan untuk melahirkan usahawan di kalangan koperasi. Dengan perubahan yang perlu dibuat, KPK perlu menyiapkan diri bagi memenuhi keperluan ahli- ahlinya samada di bidang perkhidmatan, pembekalan, pembangunan modal insan dan sosial. Koperasi juga hendaklah berkeupayaan untuk mengambil berat berkaitan kebajikan ahli seperti membiayai keperluan asas pendidikan, bantuan kecemasan, biasiswa dan sebagainya daripada keuntungan yang diperolehi.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

7. Saya difahamkan bahawa **Bengkel Transformasi Koperasi Pekebun Kecil** yang telah diadakan oleh pihak RISDA pada bulan Disember 2015 telah berjaya merangka **30 resolusi** yang melibatkan tindakan berbagai pihak termasuk NARSCO dan Koperasi Pekebun Kecil (KPK) sendiri melalui **6 Pelan Transformasi KPK** . Pencapaian ini adalah bukti kesungguhan

Dato- Dato, tuan-tuan dan puan-puan semua untuk menjadikan kerangka transformasi tersebut sebagai satu realiti. Saya minta pihak Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Pekebun Kecil terus berusaha dan tidak terhenti setakat membentuk resolusi sahaja. Tidak akan ada hasil jika tiada pelan tindakan yang jitu. Pelan hanya akan tinggal pelan sahaja jika tindakan tidak dibuat untuk menjadikan impian suatu realiti. Koperasi juga sepatutnya mempunyai Pelan Korporat Lima Tahun di mana pelan perniagaan disediakan oleh pihak pengurusan dan dipantau pelaksanaannya oleh Ahli Lembaga Pengarah. Jika semuanya berjalan lancar saya yakin dalam waktu yang terdekat ini lebih banyak Koperasi Pekebun Kecil berjaya disenaraikan dalam 100 Koperasi Terbaik Malaysia serta mampu berkembang setanding koperasi-koperasi maju di negara luar dengan syarat koperasi sanggup berubah selari dengan perubahan dan kehendak zaman.

8. Saya juga ingin menyeru agar semua KPK dapat bersedia dengan tenaga kerja, terutama generasi muda untuk menguruskan kerja-kerja yang telah saya nyatakan tadi dan seterusnya bersedia untuk mengambil alih semula kerja-kerja yang selama ini dimonopoli oleh tenaga kerja asing.

9. Di Jepun, ZEN-NOH (*National Federation of Agricultural Cooperatives*) adalah sebuah persekutuan koperasi pertanian yang merupakan salah satu pengimport makanan haiwan dan baja pertanian terbesar di dunia dimana 70% daripada baja kimia di Jepun dikendalikan oleh ZEN-NOH. Koperasi ini juga terlibat dalam pengeluaran peralatan pertanian terutamanya traktor. Pada 2014, pendapatan gabungan ZEN-NOH mencecah \$53.8 billion (USD) dan tersenarai dalam *Top 300 Co-op From Around The World*. Di India pula, koperasi yang dikenali sebagai *Markfed Andhra Pradesh State Cooperative* telah ditubuhkan bagi membantu para petani untuk mendapatkan harga jualan hasil pertanian yang lebih baik dengan menjaga segala keperluan pemasaran serta menyediakan input pertanian melalui 22 cawangannya. Para hadirin yang dihormati sekalian,

10. Kerajaan amat prihatin kepada perjuangan koperasi. Di Malaysia setakat ini terdapat 11,871 buah koperasi berdaftar dengan jumlah ahli 7.4 juta orang. Di bawah kelolaan RISDA

terdapat 64 buah koperasi termasuk NARSCO dengan keahlian 173,428 orang. Pelbagai bantuan telah disalurkan oleh pihak kerajaan dalam memastikan koperasi terus berkembang maju. Semasa penubuhan dahulu pada tahun 1980 sebanyak RM 10 juta telah diagihkan kepada NARSCO dan RM 10 juta kepada semua Koperasi Pekebun Kecil. Bagi tempoh tahun 2012 hingga April 2015, kerajaan melalui RISDA telah menyalurkan lagi bantuan sebanyak RM4.458 juta bantuan pembangunan koperasi yang meliputi 4 bidang utama iaitu pengangkutan, jentera pembangunan ladang, kedai input pertanian serta bantuan pengurusan koperasi kepada 60 buah koperasi.

11. NARSCO merupakan badan induk kepada 63 buah Koperasi Pekebun Kecil. Semestinya NARSCO memerlukan modal untuk terus berkembang dengan koperasi-koperasi dibawahnya. Di atas keprihatinan ini, **sukacita saya mengumumkan kelulusan bantuan pengurusan kepada NARSCO sebanyak RM 1 juta.** Saya amat berharap bantuan ini dapat membantu pihak NARSCO memperkasa jalinan strategik perniagaan dengan koperasi dan menjana keuntungan kepada ahli-ahlinya.

12. Saya juga amat berharap NARSCO dan semua KPK dapat menggunakan bantuan yang diberi bagi mengembangkan lagi perniagaan masing-masing samada dalam aktiviti perniagaan yang sedia ada atau meneroka aktiviti perniagaan yang baru. NARSCO dan Koperasi juga sepatutnya mengadakan jalinan perniagaan strategik samada sesama koperasi, Syarikat Milikan RISDA mahupun pihak luar untuk menjana pendapatan. Saya juga berharap bantuan yang diberi telah dapat memberi rangsangan kepada koperasi agar perniagaan yang dijalankan pada masa kini mampu berkembang dengan lebih pesat, berdaya saing, berdaya maju dan memberi impak yang tinggi dalam perniagaan sedia ada, dan seterusnya dapat membina jaringan perniagaan tempatan secara lebih meluas.

13. Kerajaan juga telah menyediakan bajet yang tinggi dalam RMK11 untuk membangunkan luar bandar melalui KKLW sebagai tanda terima kasih pihak kerajaan kepada penduduk luar bandar. Pihak koperasi perlu mencari dan merebut peluang urusniaga ini demi kepentingan ahli.

14. “ **Bangkitlah daripada kegagalan dan terus berlari tanpa henti** “. **Berubah dan terus berubah serta sentiasa mengadaptasi diri kepada keadaan semasa perlu menjadi resepi kejayaan yang utama.** Itulah resepi untuk berjaya. Gunakanlah kekuatan yang ada untuk bangun. Setelah dapat keuntungan, tunaikan zakat dan menyumbanglah kerana semakin banyak kita memberi kita akan menerima lebih banyak lagi.

15. Saya difahamkan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, akaun NARSCO telah menunjukkan angka positif. Setinggi **tahniah** saya ucapkan kepada barisan Ahli Lembaga Pengarah NARSCO. Saya doakan keuntungan NARSCO dan semua Koperasi Pekebun Kecil terus bertambah baik dari masa ke semasa.

16. Saya juga mengucapkan tahniah kepada koperasi yang telah berjaya dipilih untuk menerima Anugerah Koperasi Terbaik RISDA Tahun 2015.

17. Akhir kata melalui doa dan harapan tersebut, saya dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim** merasmikan **Seminar Koperasi Pekebun Kecil (KPK) Tahun 2016 dan Mesyuarat Agung Koperasi Pekebun Kecil Getah Nasional Bhd (NARSCO) kali ke-32.**

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Sekian, terima kasih.